

29 JUN 2000

Mahathir-Maklumat

MALAYSIA MAMPU TANGANI CABARAN ZAMAN GLOBALISASI

SERDANG, 29 Jun (Bernama) -- Malaysia akan mampu menangani cabaran zaman globalisasi, E-Dagang dan K-Ekonomi jika ramai rakyat dapat memiliki kecekapan dalam teknologi maklumat (IT), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, dalam masa yang sama juga, negara dapat menangani apa juga cabaran yang dicipta susulan kepada kemudahan berkomunikasi dan perkembangan maklumat melalui telefon, komputer, internet dan sebagainya.

Ilmu yang perlu dikuasai oleh rakyat terbahagi kepada tiga iaitu yang berkenaan perkakasan, perisian dan aplikasi maklumat yang terdedah kepada mereka, kata Dr Mahathir ketika berucap merasmikan Universiti Tenaga Nasional (Uniten), di sini.

Katanya, dakwaan kononnya bangsa-bangsa tertentu hanya mampu menguasai ilmu tertentu sahaja adalah tidak benar.

"Sesiapa sahaja boleh menguasai apa sahaja ilmu jika ianya tekun berusaha mempelajarinya," katanya.

Dr Mahathir berkata kebanyakan rakyat lebih cekap menggunakan alatan yang dicipta dan dikeluarkan oleh orang lain.

"Kita semua tahu memandu kereta umpamanya. Tidak semua daripada kita perlu tahu bagaimana membuat kereta. Tetapi kebolehan membuat kereta adalah sesuatu yang penting bagi kecekapan dalam bidang kejuruteraan dan dengan itu kebolehan ini perlu ada antara sebilangan daripada kita," katanya.

Menurutnya demikian jugalah dengan IT iaitu perlu ada di antara mereka (rakyat) yang boleh mencipta dan mengeluarkan perkakasan dan perisian untuk teknologi maklumat.

"Bagi kebanyakan kita kecekapan yang diperlukan ialah kebolehan akses dan aplikasi maklumat yang berada dalam alat-alat yang membekalkan maklumat ini," katanya.

Beliau juga menasihati pelajar supaya menguasai bidang yang mereka tidak minat.

"Mungkin ramai daripada pelajar yang berpendapat bahawa mereka tidak mungkin menguasai ilmu dalam bidang yang mereka tidak minati. Tetapi ini tidak benar," katanya.

Beliau berkata, di zaman sebelum sains dan teknologi berkembang, minat pelajar kesemuanya adalah untuk mempelajari sastera hinggalah mereka yang mendapat ijazah sastera dianggap layak untuk membuat apa sahaja daripada menjadi pentadbir sehinggalah mengepalai angkatan tentera.

Tetapi apabila pengkhususan dibuat dan ilmu yang lebih spesifik dan tepat dengan tugas yang akan dipertanggungjawabkan diperkenalkan, mereka yang percaya minat mereka hanyalah dengan sastera, apabila memilih bidang baru yang khusus dan sesuai dengan pekerjaan yang akan dibuat, mendapati mereka mampu menguasainya, katanya.

Beliau berkata, mereka mendapati kebolehan mereka begitu tinggi sehingga tercapai ijazah yang cemerlang dan mereka juga dapat menjalankan tugas dengan cekap dan berkesan.

-- BERNAMA

ARA RHM